



جاتن فریقسان

JABATAN PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENILAIAN SEKOLAH RENDAH  
OKTOBER 2025

**JADUAL**

HARI/TARIKH	KOD KERTAS	SUBJEK	WAKTU	TEMPOH
Khamis 09 Oktober 2025	30/1	Mathematics 1	08.30 pagi – 09.30 pagi	1 Jam
	30/2	Mathematics 2	10.30 pagi – 11.30 pagi	1 Jam
Sabtu 11 Oktober 2025	50/1	Science 1	08.30 pagi – 09.10 pagi	40 minit
	50/2	Science 2	10.10 pagi – 11.10 pagi	1 Jam
Isnin 13 Oktober 2025	20/1	English Language 1	08.30 pagi – 10.00 pagi	1 Jam 30 minit
	20/2	English Language 2	11.00 pagi – 12.00 tengahari	1 Jam
Rabu 15 Oktober 2025	10/1	Bahasa Melayu 1	08.30 pagi – 09.15 pagi	45 minit
	10/2	Bahasa Melayu 2	10.15 pagi – 11.15 pagi	1 Jam
Khamis 16 Oktober 2025	60	Melayu Islam Beraja	9.00 pagi – 10.00 pagi	1 Jam

## **PERINGATAN UNTUK CALON**

### **ARAHAN**

1. Mengetahui tarikh dan masa peperiksaan melalui jadual yang disediakan.
2. Tiba di pusat peperiksaan sekurang-kurangnya 15 minit sebelum peperiksaan dijalankan.
3. Membawa alat tulis dan peralatan yang berkenaan untuk peperiksaan yang diduduki.
4. Ketika menjawab soalan, calon hendaklah menulis dengan menggunakan pen yang **berdakwat biru atau hitam sahaja**.
5. Hanya beg atau kotak pensil yang *transparent* sahaja yang dibenarkan dibawa masuk ke dalam bilik/dewan peperiksaan.
6. Mengikuti arahan yang diberikan pengawas peperiksaan.
7. Tidak membawa masuk buku-buku, nota-nota dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan peperiksaan mata pelajaran yang diduduki ke dalam bilik/dewan peperiksaan.
8. Membaca arahan-arahan yang terdapat di dalam kertas-kertas soalan dengan teliti sebelum menjawab kertas soalan.
9. Hendaklah merujuk kepada pengawas peperiksaan dengan segera :
  - jika sekiranya menerima kertas soalan yang salah.
  - jika sekiranya kertas soalan tidak lengkap atau terdapat kesilapan percetakan.
10. Menulis tarikh lahir dan nombor indeks dengan jelas di ruangan yang disediakan.
11. Tidak dibenarkan meninggalkan bilik/dewan peperiksaan tanpa kebenaran pengawas peperiksaan.
12. Tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan dari pusat peperiksaan.
13. Tidak dibenarkan membawa masuk semua jenis alat perhubungan seperti telefon bimbit, komputer tablet dan sebagainya di dalam bilik/dewan peperiksaan.

### **NASIHAT**

1. Sila beri perhatian kepada arahan yang terdapat di muka hadapan setiap kertas soalan mengenai jumlah soalan yang dikehendaki untuk dijawab. **JANGAN MENJAWAB MELEBIHI DARIPADA JUMLAH SOALAN YANG DIARAHKAN.**
2. Bagi peperiksaan mata pelajaran **Mathematics** semua jenis alat pengira elektronik tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam bilik/dewan peperiksaan.

### **AMARAN**

**Keputusan peperiksaan calon akan dibatalkan sekiranya didapati meniru atau mengganggu calon lain semasa peperiksaan dijalankan.**